


SK TAMAN UNIVERSITI 2
BAHASA MELAYU KERTAS 1
TAHUN 6

Soalan 1 hingga 20, pilih jawapan yang paling sesuai dengan ayat yang diberi.



Gambar 1

Soalan 1 rujuk Gambar 1

- A. Pokok bunga kekwa di dalam pasu ini layu kerana tidak di_____
- A. hias B. siram
B. potong D. baja
1. Haliza meraut lidi dengan _____ supaya jarinya tidak terluka.
- A. kemas B. berhati-hati
C. cermat D. molek
3. Pak Hamid membelah kayu besar itu dengan menggunakan sebilah kapak yang _____.
- A. keras B kuat C tajam D. lembut
4. Anak dugong yang dijumpai mati terdampar itu dipercayai berumur antara satu _____ dua tahun.
- A. dan B dengan
C. kepada D. hingga

5. Walaupun dia pendiam _____ dia ramah apabila bertemu dengan kawan karibnya.

- A. namun B. serta
C. ketika D. walaupun

6. Ibu memarahi kakak kerana ikan bawal yang digonemgnya _____ hingga tidak boleh dimakan.

- A. hangit B. hitam
C. hangus D. kering

7. Para pekerja pembersihan sedang _____ pokok-pokok semalu yang terdapat di padang sekolah.

- A. menggali B. menggunting
C. mencabut D. memotong

Soalan 8 berdasarkan Gambar 2.



Gambar 2

8. Abang menyertai pertandingan _____ peluru di sekolahnya..

- A. melontar B. membalung
C. membuang D. memegang

9. Abang Dina telah _____ ke London pada pagi semalam untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang perubatan.

- A. dilepaskan B. terlepas
C. melepas D. berlepas

10. _____ adik beradik itu telah terpisah sejak kecil lagi akibat peperangan.

- A. Beberapa B. Kedua
C. Kedua-dua D. Keduanya

11. Encik Kamal menunjukkan cara _____ raket badminton dengan betul kepada murid-muridnya .

- A. pemegang B. memegang.
C. mememangi D. memegang

12. Terdapat beberapa _____ pasir di hadapan rumah yang sedang dalam pembinaan itu.

- A. butir B. longkok
C. timbun D. genggam

13. Tokoh kanak-kanak itu telah ditemu ramah oleh beberapa orang _____ akhbar tempatan.

- A. sasterawan B. bangsawan
D. dermawan D. wartawan

Soalan 14 rujuk gambar 3



Gambar 3

14. Lelaki itu _____ di hospital sejak beberapa hari lalu kerana menghidap demam panas.

- A. terbaring B. tertidur
C. terlentang D. terlantar

Soalan 15 hingga 17, rujuk gambar 4.



Gambar 4

15. Kakak sedang _____ adik yang sedang menangis.

- A. memarahi B. memujuk
C. membiarkan D. meminta

16. Kakak meletakkan makanan dalam se _____ pinggan.

- A. buah B. bekas
C. keeping D. biji

17. Adik menangis sambil duduk _____ di atas lantai.

- A. berdiri B. bersila
C. berlunjur D. terduduk

18. Encik Ramasami telah menyekolahkan anaknya hingga ke luar negara hasil daripada _____ beliau sendiri.

- A. titik peluh B. ringan tulang
C. isi hati D. bulat kata

19. “ _____ berharap negara ini akan bertambah maju dan sentiasa makmur,” titah raja kepada rakyat jelata.

- A. Baginda B. Tuanku
C. Beta D. patik

Soalan 20 rujuk Gambar 5.



Gambar 5

20. Semasa sedang menyangi ikan, Puan Wani tidak tahan dengan baunya yang _____.

- A. hapak B. hanyir
C. Ttngik D. hancing

21. Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan **bergaris**.

Hubungan mereka semakin **renggang** selepas kejadian perselisihan faham tersebut.

- A. tahan B. rapat
C. dekat D. hampir

22. Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**

Najib makan karipap yang masih **panas** itu dengan **lahap** kerana terlalu lapar.

- A. pijar...cepat B. bahang...ganas
C. garing... kasar D. hangat...gejoh

Soalan 23 Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

23. Mengapakah jurulatih pasukan itu berasa sangat kecewa?

- A. Jurulatih itu sedang melatih anak-anak buahnya di padang.
B. Pencapaian anak-anak buahnya tidak memuaskan kerana kurang berdisiplin.
C. Pasukannya berjaya menjuarai pertandingan pada hari tersebut.
D. Kerana pasukannya memenangi pertandingan yang akan diadakan.

Soalan 24 .Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

24. Restoran itu sentiasa mengutamakan kepuasan para pelanggannya.

- A. Di manakah letaknya restoran itu?
B. Bagaimanakah caranya hendak pergi ke restoran itu?
C. Mengapakah restoran itu sering dikunjungi orang?
D. Apakah yang dapat kita lakukan di restoran itu?

Soalan 25 Pilih ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.

25. A. "Saya tidak mahu perkara ini dibesar-besarkan," kata Guru Besar.

B. Sesiapapun bukan dibenarkan berjumpa dengan budak perempuan itu.

C. "Tolong maaf, kak. Sebenarnya, saya tidak berniat untuk enyinggungperasaan kakak," kata Hamidah.

D. "Sila perlahankan radio itu," kata ayah kepada abang.

Soalan 26 dan 27.Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat bergaris.

26. Datin Zarah memakai gelang yang diperbuat daripada emas.

A. Datin Zarah memakai batu delima yang bertatahkan emas.

B. Gelang emas yang dipakai bertatahkan batu delima menjadi kegemaran Datin Zarah.

C. Gelang yang dipakai oleh Datin Zarah diperbuat daripada emas.

D. Gelang Datin Zarah diperbuat daripada emas yang cantik .

27. Ayah melarang adik bermain di jalan raya yang sibuk.

- A. "Ayah, jangan bermain di tepi jalan raya," kata adik
- B. "Adik, jangan bermain di jalan raya yang sibuk," kata ayah.
- C. "Ayah, adik bermain di jalan raya," kata kakak.
- D. "Ayah menyuruh adik bermain di jalan raya," kata ayah.

Soalan 28 dan 30. Pilih ayat yang betul.

28. A. Cis, kemas dan cantik sungguh dandanan rambut kamu!

B. Hai, saya tidak sukakan fesyen rambut panjang begini!

C. Aduh, pandainya rupa-rupanya kamu mendandan rambut!

D. Syabas, anda telah memenangi pertandingan melukis semalam.

29. I Encik Azhar keluarga diundang ke dalam majlis perasmian itu.

II Kedua budak itu bercita-cita untuk menjadi juruterbang.

III "Patik berkenan akan Tuan Puteri Gunung Tahan itu", kata Laksamana Hang Tuah kepada Raja Melaka.

IV Setiap kali musim hujan, penduduk Kampung Laut berasa gusar kerana kejadian tanah runtuh.

- A. I dan III sahaja C. III dan IV sahaja
- B. I dan IV sahaja D. I dan II sahaja

30. I Mak Besah berniaga nasi lemak di tepi jalan pada setiap petang.

II Permainan tradisional semakin hari semakin dilupakan dan kurang diminati.

III Semua soalan-soalan itu dijawabnya dengan tepat.

IV Nadia menjuarai pertandingan badminton yang diadakan di sekolahnya.

- A. I dan IV sahaja C. III dan IV sahaja
- B. II dan IV sahaja D. II, III, dan IV sahaja

Soalan 31 hingga 35. Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang diberi.

Tahukah anda tentang adat perkahwinan orang Melayu? Dalam adat perkahwinan orang Melayu terdapat beberapa peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah merisik, meminang, bertunang, menghantar belanja, akad nikah dan bersanding.

Merisik dilakukan kerana pihak lelaki ingin mengetahui sama ada anak gadis sudah dipinang atau belum. Biasanya keluarga pihak lelaki menghantar wakil untuk berjumpa dengan keluarga pihak perempuan. Wakil-wakil yang dihantar biasanya mempunyai ikatan persaudaraan keluarga di sebelah pihak lelaki.

Setelah mengetahui pihak perempuan belum dipinang, meminangan pun dilakukan. Peminangan ialah melamar seseorang gadis untuk dijadikan isteri. Pihak lelaki menghantar rombongan ke rumah pihak perempuan untuk meminta persetujuan bagi melangsungkan perkahwinan.

Kemudian dijalankan istiadat pertunangan. Pada peringkat bertunang inilah pihak lelaki memberikan sebetuk cincin kepada pihak perempuan menandakan peminangan telah diterima. Semasa majlis ini dijalankan, beberapa hantaran seperti pakaian, kuih-kuih, buah-buahan dan lain-lain disediakan. Semasa peminangan, adat menghantar belanja dijalankan. Jumlah belanja dan penetapan tarikh perkahwinan dibincangkan oleh kedua-dua pihak.

Pada peringkat ini , pihak lelaki biasanya menghantar wang belanja dan pelbagai hadiah untuk majlis perkahwinan yang akan diadakan kelak. Apabila tiba masa yang ditetapkan, akad nikah dialankan.

Akad nikah ialah perjanjian dalam perkahwinan. Akad nikah merupakan satu perkara yang wajib dalam agama Islam. Akad nikah dilakukan oleh 'Kadi" atau juru nikah. Kadi ialah ketua agama bagi sesebuah daerah. Kemuncak majlis ialah majlis persandingan. Semasa persandingan dijalankan **mempelai** akan berpakaian sedondon dan duduk di atas pelamin yang diias dengan cantik sekali. Jamuan makan dan majlis persandingan akan diadakan di rumah pihak perempuan. Setelah itu , barulah majlis bertandang ke rumah lelaki dibuat. Majlis persandingan ini biasanya dimeriahkan dengan iringan paluan kompang

31. Bagaimanakah adat perkahwinan orang Melayu dilangsungkan ?

A Meminang,merisik, bertunang, menghantar belanja, akad nikah dan bersanding.

B Bertunang , merisik, meminang, menghantar belanja, dan akad nikah serta bersanding

C Merisik , meminang, bertunang, menghantar belanja , akad nikah dan bersanding

D Merisik, meminang, menghantar belanja, bertunang, akad nikah dan majlis persandingan

32. Bagaimanakah proses merisik dijalankan ?

A Pihak lelaki menghantar rombongan untuk meminta persetujuan bagi peminangan.

B Kedua-dua pihak berbincang untuk menetapkan tarikh persandingan

C Pihak lelaki memberi sebentuk cincin sebagai tanda peminangan diterima.

D Pihak lelaki menghantar wakil untuk menyiasat gadis tersebut sudah dipinang atau belum.

33. Apakah acara kemuncak dalam adat perkahwinan orang Melayu ?

A Jamuan makan C Paluan kompang

B Menghantar belanja D Persandingan

34. Peribahasa yang paling sesuai dengan pasangan pengantin yang sama cantik dan sama padan ialah...

A. Bagai isi dengan kuku

B bagai pinang dibelah dua

C Bagai bulan dipagar bintang

D Seperti aur dengan tebing

35. Apakah yang dimaksudkan dengan **mempelai** seperti dalam petikan..

A. Sama cantik C bakal bapa pengantin

B. Pengantin D bapa pengantin

Soalan 36 hingga 40. Baca puisi di bawah dan jawab soalan yang diberi.

Kau datang dari sungai, kolam dan lautan

Naikmu tinggi ke awan

Kau turun semula membasahi bumi

Hadirmu,

Ada yang gembira,

Ada yang berduka

Ada pula yang merana

Yang kering menanti turunmu,

Yang layu mengharap hadimu,

Tidak kurang juga yang marah,

Keranamu tugas mereka susah.

Penoreh getah berasa gelisah
Hendak bekerja pokoknya basah
Petani pula berasa gembira
Kau menolong tanpa dibayar.

Bila kau marah
Ribut, Petir kau bawa bersama.
Air sungai menjadi deras
Harta benda banyak yang musnah
Hidup manusia menjadi derita.

36. Siapakah "Kau" yang dimaksudkan dalam puisi di atas ?

- A. petir B, rebut
C. hujan D. Awan

37. Mengapakah tanaman menjadi segar ?

- A. Kerana petani dapat bekerja
B. Kerana tanah telah dibasahi
C. Kerana air sungai menjadi deras
D. Kerana "Kau " menolong tanpa menerima apa-apa bayaran

38. Kehadiran "Kau " sangat dinanti-nantikan oleh...

- A. petani B. penoreh
C. nelayan D, pekedai

39. Semua pernyataan tentang "Kau" adalah benar, **kecuali...**

- A boleh memusnah harta benda**
B mampu menyusahkan manusia
C. dimarahi oleh semua orang
D. menolong tanpa apa-apa bayaran

40. Puisi di atas adalah berbentuk :

- A. Pantun B. syair
B. Sajak D. seloka

JAWAPAN

- | | | | |
|-------|------|-------|------|
| 1.C | 2.B | 3.C | 4.D |
| 4.A | 6.C | 7.C | 8.A |
| 9.D | 10.C | 11.D | 12.B |
| 13.D | 14.D | 15.B | 16.C |
| 17.B | 18.A | 19.C | 20.B |
| 21.B | 22.D | 23.B | 24.C |
| 25.A | 26.C | 27.B | 28.D |
| 29.C. | 30.B | 31C | 32.D |
| 33.D | 34.B | 35.B | 36.C |
| 37.D | 38.A | 39 .C | 40.B |